



28 Disember 2021
28 December 2021
P.U. (A) 487

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 17) 2021

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 17) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 17) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 17) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

(a) “perusahaan mikro” atau “perusahaan kecil dan sederhana” ertinya perusahaan mikro atau perusahaan kecil dan sederhana sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 2A Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 [Akta 539];

(b) “platform P2P” ertinya platform elektronik yang memudahkan secara langsung atau tidak langsung penerbitan, pelaksanaan atau penawaran suatu nota pelaburan atau nota pelaburan Islam seperti yang dinyatakan di bawah *Guidelines on Recognized Markets* yang dikeluarkan atau disemak dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan

(c) “nota pelaburan” atau “nota pelaburan Islam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti dan Sekuriti Islam) (Nota Pelaburan dan Nota Pelaburan Islam) 2016 [P.U. (A) 126/2016].